

TERMA RUJUKAN

PROGRAM PEMBIAYAAN PEMULIHAN RUANG SENI CENDANA

PENDAHULUAN

Permohonan Dibuka	Permohonan Tamat	Makluman kepada Pemohon	Program Bermula
16 Julai 2020	14 Ogos 2020	14 September 2020	Oktober 2020 dan seterusnya

Apakah itu Program Pembiayaan Pemulihan Ruang Seni?

Program Pembiayaan Pemulihan Ruang Seni CENDANA (“Program”) adalah bertujuan untuk mempersiapkan, melatih pengusaha ruang/tempat seni (seluruh negara) bagi menghadapi peralihan dalam menyediakan sebuah ruang/tempat yang sihat dan selamat untuk kehadiran audiens/kegunaan penggiat seni di samping menyokong perbelanjaan operasi asas seperti sewa, utiliti dan kos pemasaran.

Program ini adalah terbuka untuk semua pengusaha ruang dan tempat yang boleh menampung kurang daripada 500 orang.

Antara tujuan Program ini adalah diharapkan untuk:

- Mempersiapkan peserta dengan garis panduan dan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah diluluskan oleh Kerajaan Malaysia;
- Melatih peserta dengan amalan-amalan keselamatan dan kebersihan yang boleh digunapakai di tempat/ruang seni masing-masing;
- Menstabilkan lanskap ruang dan tempat seni melalui sokongan sewa, utiliti dan pemasaran;
- Memupuk kepercayaan dalam kalangan penggiat seni dan masyarakat umum untuk kembali ke ruang dan tempat seni bagi tujuan aktiviti seni.

Ruang dan tempat seni dimana perniagaan adalah berteraskan pendidikan seni, bengkel seni, persembahan/pembentangan program seni bagi seni persembahan, seni visual, muzik independen dan kraf (sepertimana di dalam jadual di bawah) adalah digalakkan untuk memohon.

Di bawah adalah beberapa contoh ruang dan tempat seni yang layak untuk menerima pembiayaan daripada Program ini (senarai di bawah adalah tidak terhad):

- Ruang/tempat independen bagi anjuran persembahan, bengkel seni, forum dan lain-lain;
- Galeri seni;
- Teater/dewan konsert;
- Pusat seni;
- Ruang/tempat pameran seni alternative/independent;
- Ruang kolektif seni/penggiat seni;
- Hab kreatif dimana perniagaan adalah berteraskan seni persembahan, seni visual, muzik independen dan kraf.

TERMA RUJUKAN

Seni Persembahan	Seni Visual	Muzik Independen	Kraf
<ul style="list-style-type: none"> Seni tradisioanl dan kontemporari termasuk: <ol style="list-style-type: none"> teater tarian muzik (cth. koir, permainan alat muzik, persembahan berkumpulan dan lain-lain) 	<ul style="list-style-type: none"> Seramik Lukisan Catan Ukiran Cetakan Rekabentuk Fotografi Seni instalasi Seni multimedia 	<ul style="list-style-type: none"> Muzik yang dihasilkan secara persendirian/ individu - tidak dihasilkan oleh rekod label terkemuka atau milik anak syarikat. 	<ul style="list-style-type: none"> Kraf Tekstil tradisional Seni kerja manik Tenunan Seramik Kerja kayu Seni kerja logam Seni tradisional Prop dan instrumen Kasut hasil buatan tangan

Apakah matlamat Program Pemulihan Ruang Seni?

Program ini bermatlamat untuk menyumbang kepada usaha menstabilkan sektor seni dan budaya dengan harapan untuk mempersiapkan dan melatih pengusaha ruang dan tempat seni bagi menghadapi peralihan dalam menyediakan sebuah ruang/tempat yang sihat dan selamat untuk kehadiran audiens/kegunaan penggiat seni.

Siapakah yang boleh memohon?

- Pengusaha ruang/tempat seni dengan rekod/sejarah penglibatan aktif dalam sektor seni dan budaya Malaysia sekurang-kurangnya tiga (3) tahun;
- Pengusaha ruang/tempat seni dan penganjur aktiviti seni yang perniagaannya berteraskan seni persembahan, seni visual, muzik independent dan kraf yang berdaftar di bawah peruntukan undang-undang Malaysia;
- Ruang/tempat seni yang menganjurkan aktiviti seni yang disokong oleh CENDANA iaitu seni persembahan, seni visual, muzik independen dan kraf;
- Mempunyai rekod program dan/atau perkhidmatan kepada sektor seni dengan jelas;

Pemohon utama mestilah bertanggungjawab sepenuhnya dan mestilah terlibat secara aktif sepanjang proses permohonan, pemantauan dan penilaian.

Permohonan daripada entiti-entiti yang berfokus kepada keuntungan mestilah mempunyai kelebihan pembangunan yang dapat memanfaatkan penggiat seni Malaysia, membawa hasil seni yang berkualiti tinggi kepada audiens dan mampu untuk mencapai kestabilan kewangan sejajar dengan masa

Siapakah yang tidak boleh memohon?

CENDANA tidak dapat menyokong permohonan anda sekiranya:

Sebuah kumpulan/organisasi:

TERMA RUJUKAN

- Ditubuhkan bagi tujuan bukan sekular;
- Sedang menerima geran atau pembiayaan daripada CENDANA atau syarikat induk MyCreative Ventures Sdn Bhd;
- Mempunyai laporan penilaian yang masih belum diselesaikan daripada mana-mana program pembiayaan di bawah CENDANA atau syarikat induk MyCreative Ventures Sdn Bhd;
- Berhutang dengan CENDANA;
- Terdapat sebarang penemuan negative terhadap organisasi semasa proses semakan.

Program/usaha yang dicadangkan adalah:-

- Program-program yang tidak mempunyai komponen seni yang jelas dan bertumpu kepada unsur-unsur keagamaan;
- Program-program yang tidak dapat mendatangkan manfaat kepada penggiat seni dan budaya;
- Aktiviti-aktiviti yang tidak tergolong dalam mana-mana jenis seni / sektor mandat CENDANA;
- Program-program yang berunsurkan akademik atau dicadangkan di bawah kelolaan sekolah atau institusi pengajian tinggi dan sebahagian daripada kurikulum;
- Program-program yang bertujuan semata-mata untuk keuntungan yang akan diagihkan kepada pemilik syarikat/pemegang saham;
- Program-program yang diadakan di tempat-tempat keagamaan;
- Program-program yang tidak bertujuan untuk kegunaan masyarakat awam;
- Disenaraihitam oleh badan-badan penguatkuasa dalam pasaran (cth. majlis perbandaran atau PUSPAL);

Apakah yang disokong di bawah Program Pembiayaan Pemulihan Ruang Seni?

Program latihan

Program Latihan ini berfokus kepada mendidik pengusaha ruang dan tempat seni terhadap pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah diluluskan oleh Majlis Keselamatan Negara dan penggunaan perkakasan dan peralatan keselamatan dan disinfeksi yang betul dan efisien di samping menyokong perbelanjaan asas seperti sewa, utiliti dan kos pemasaran.

Jadual Program Latihan adalah seperti di bawah:

Tarikh	Lokasi	Masa	Mod
17 Okt 2020 (Sabtu)	Kuala Lumpur	10.00am – 12.30pm	Fizikal
20 Okt 2020 (Selasa)	Zoom	8.00pm – 10.00pm	Atas talian
24 Okt 2020 (Sabtu)	Pulau Pinang	10.00am – 12.30pm	Fizikal

TERMA RUJUKAN

Kit Disinfeksi

Program Pembiayaan Pemulihan Ruang Seni memperuntukkan tidak lebih daripada RM5,000 untuk pembelian kit disinfeksi sepertimana yang diperlukan oleh setiap peserta. Kit disinfeksi ini mestilah dibeli oleh peserta pada harga pasaran dan akan dibiaya semula selepas serahan bukti pembelian. Kit disinfeksi tersebut adalah termasuk cecair pembasmi kuman, mesin pembasmian kuman, pelitup muka, sarung tangan getah dan termometer digital. Senarai tersebut adalah tidak terhad. CENDANA terbuka dalam menerima sebarang cadangan daripada ruang/tempat seni untuk item-item lain yang dirasakan perlu dalam menyediakan ruang yang selamat untuk kehadiran penonton. Tetapi, item-item ini bukanlah untuk dijual semula.

Kos sewa tempat/ruang

- Termasuk perbelanjaan utiliti;
- Kos sewa dan utiliti berjumlah sehingga RM4,000 sebulan selama enam (6) bulan

Kos pemasaran

- Termasuk rekaan dan promosi ruang dan tempat seni yang selamat dan terbuka kepada semua dan untuk mempromosikan pelbagai program yang akan dianjurkan;
- Kos rekaan, pemasaran dan promosi adalah tidak melebihi RM6,000 selama enam (6) bulan

Bagi mengelakkan keraguan, Program ini tidak menyokong kos pengubahsuaian ruang dan kos pemeriksaan kesihatan.

Nota Berkaitan Garis Panduan Program Pembiayaan Karya Kilat

Disamping kami mempromosikan dan membangunkan seni untuk masa depan Malaysia, sebagai agensi yang mengagihkan dana awam sejajar dengan dasar Kerajaan, CENDANA harus mengutamakan cadangan yang tidak :

- Menghina atau merendahkan seseorang, kumpulan atau kelas individu berdasarkan bangsa atau agama, atau dilaksanakan untuk mewujudkan konflik atau salah faham dalam masyarakat berbagai budaya dan agama;
- Mengganggu keamanan atau kestabilan negara.

Apakah yang diperlukan bagi permohonan di bawah Program Pembiayaan Pemulihan Ruang Seni?

Profil

- Profil syarikat/organisasi (termasuk visi, misi dan perincian teras utama perniagaan).



C E N D A N A
CULTURAL ECONOMY
DEVELOPMENT AGENCY

TERMA RUJUKAN

- Hasil kerja/khidmat bagi tujuan menyokong seni/sektor mandat CENDANA (Seni Persembahan, Seni Visual, Muzik Independen dan Kraf)
- Struktur syarikat/organisasi
- Rekod program/inisiatif/aktiviti seni untuk sekurang-kurangnya 3 tahun yang lepas
- Liputan kejayaan/artikel/reviu (sekiranya ada)

Jumlah pembiayaan yang dicadangkan:

- Jumlah kos sewa selama enam (6) bulan (sepertimana di dalam perjanjian sewa);
- Jumlah anggaran kos utiliti¹ selama (6) bulan

Serahan dokumen yang diperlukan untuk proses permohonan adalah seperti berikut:-

- Sesalinan kad pengenalan MyKad – sesalinan yang jelas depan dan belakang di dalam satu kertas A4 yang sama (*pengarah dan pemegang saham bagi organisasi);
- Profil syarikat;
- Sesalinan perjanjian sewa ruang/tempat;
- Sesalinan sijil pendaftaran organisasi

Apakah yang diperlukan daripada pemohon yang berjaya?

Keperluan daripada Pemohon yang berjaya
<ul style="list-style-type: none">• Menghadiri dan terlibat sepenuhnya di dalam Program Latihan.• Memenuhi semua serahan yang diperlukan di bawah keseluruhan Program (Rujuk kepada Laporan).• Menggunakan garis panduan penjenamaan CENDANA di dalam semua platform komunikasi seperti meletakkan logo CENDANA secara jelas di ruang/tempat seni dan di dalam semua bahan publisiti dan pemasaran² untuk setiap program yang disokong.• Segala kandungan yang dimuat naik di platform media sosial yang menunjukkan langkah-langkah dan usaha-usaha yang diambil oleh peserta mestilah disertakan dengan #CENDANARecharge.• Mempertimbangkan untuk meletakkan pamphlet program-program pembiayaan CENDANA atau lain-lain informasi yang adalah berguna bagi penggiat seni atau orang awam di ruang atau tempat seni peserta bagi tujuan penyebaran.• Mendaftarkan ruang dan tempat seni di dalam aplikasi MySejahtera dan menjana kod QR bagi tujuan proses pendaftaran dan pengesanan kontak.

¹ Cth. bil telefon , elektrik, air, internet

² **Maklumat lanjut adalah sepertimana di dalam Perjanjian.**



TERMA RUJUKAN

- Sentiasa menghubungi pihak CENDANA untuk memaklumkan sebarang perkembangan terkini atau sekiranya terdapat sebarang perubahan terhadap cadangan yang telah dipohon.
- Memastikan semua baucar pembayaran, invois dan resit bagi pembelanjaan yang berkaitan adalah disimpan bagi tujuan serahan kepada CENDANA. Kegagalan untuk menyerahkan dokumen-dokumen tersebut akan menjejaskan jumlah pembiayaan yang seterusnya.
- Sepanjang tempoh pembiayaan, wakil daripada CENDANA boleh melawat ruang/tempat seni peserta bagi tujuan pemantauan/audit dan perbincangan (jika perlu)

Keperluan Laporan

- Satu (1) **Laporan Akhir** mestilah disediakan oleh peserta yang mengandungi sebarang adaptasi, penambahbaikan dan konfigurasi ruang dan tempat yang akan diaplikasi di ruang/tempat seni tersebut serta mengandungi rumusan daripada maklum balas daripada audiens terhadap langkah-langkah dan amalan keselamatan yang digunapakai oleh peserta (templat adalah disediakan oleh CENDANA).
- Melengkapkan Laporan Pemantauan CENDANA (disediakan oleh CENDANA)
- Menyerahkan resit / lain-lain dokumen sokongan untuk perbelanjaan yang berkaitan (cth. kos sewa dan pemasaran). Kegagalan untuk menyerahkan sebarang dokumen sokongan akan menjejaskan jumlah pembiayaan seterusnya.

Bagaimanakah anda boleh memohon?

- Anda boleh memohon melalui laman sesawang CENDANA di www.cendana.com.my. Permohonan melalui cara-cara lain seperti email dan secara manual tidak akan diterima.

Bilakah anda boleh memohon Program Pembiayaan Pemulihan Ruang Seni CENDANA?

	Permohonan Dibuka	Permohonan Ditutup	Makluman kepada Pemohon	Projek Bermula
KITARAN PEMBIAYAAN 1	16 Julai 2020	14 Ogos 2020	14 September 2020	Oktober 2020 dan seterusnya
KITARAN PEMBIAYAAN 2	15 September 2020	14 Oktober 2020	13 November 2020	November 2020 dan seterusnya



CENDANA
CULTURAL ECONOMY
DEVELOPMENT AGENCY

TERMA RUJUKAN

Siapakah yang anda boleh hubungi sekiranya terdapat sebarang pertanyaan?

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan atau mahu berbincang mengenai permohonan anda dengan lebih lanjut, sila hubungi kami di emel grants@cendana.com.my

Bagaimanakah anda akan menerima pembiayaan?

- Bergantung kepada jumlah pembiayaan yang diluluskan, pembiayaan anda akan dilakukan secara ansuran sebanyak tiga (3) kali selama enam (6) bulan, tertakluk kepada proses pemantauan dan keperluan laporan sepanjang tempoh pembiayaan, dan akan dimasukkan ke dalam akaun organisasi yang berdaftar atau melalui cek.
- Kehadiran anda untuk sesi temuduga bersama dengan pihak CENDANA adalah wajib sama ada secara fizikal atau atas talian (tertakluk kepada lokasi anda).

Struktur pembiayaan Program Pembiayaan Pemulihan Ruang Seni adalah seperti berikut:-

Peringkat 1: Selepas Perjanjian ditandatangani	Peringkat 2: Kemajuan	Part 3: Laporan Akhir dan Laporan Kaji Selidik Ekonomi
Selepas Perjanjian ditandatangani Pembiayaan Pertama untuk memulakan program (40% daripada jumlah yang diluluskan) dalam masa 21 hari bekerja selepas Perjanjian ditandatangani.	Pembiayaan seterusnya pada bulan ketiga (40% daripada jumlah yang diluluskan) dalam masa 21 hari bekerja selepas penyerahan dokumen-dokumen sokongan untuk tujuan pembiayaan semula <ul style="list-style-type: none">• Resit, baucar pembayaran, invois dll	Pembiayaan terakhir (baki 20% daripada jumlah yang diluluskan) dalam masa 21 hari bekerja selepas penyerahan yang berikut: <ul style="list-style-type: none">• Laporan Akhir (termasuk Rumusan Maklum Balas Audiens), Laporan Pemantauan CENDANA³;• Penyata akaun terakhir (bukyi perbelanjaan spt resit, baucar pembayaran, invois dll);• Lain-lain dokumen sokongan (gambar, video, bahan-bahan lain jika ada)

Laporan-laporan di atas akan memberikan CENDANA maklumat-maklumat yang berharga dalam memantau prestasi dan aktiviti organisasi dan memastikan kebertanggungjawapan terhadap dana awam. Ini juga dapat membantu CENDANA

³ Laporan tersebut mestilah mengandungi rumusan terhadap maklum balas audiens yang wajib dibuat oleh ruang dan tempat seni yang terlibat.



C E N D A N A
CULTURAL ECONOMY
DEVELOPMENT AGENCY

TERMA RUJUKAN

bagi tujuan penyelidikan dan komunikasi bagi menunjukkan kesan-kesan program pembiayaan.

Apakah yang akan berlaku selepas permohonan dihantar?

- Selepas permohonan ditutup, semua permohonan akan dinilai untuk memastikan semua projek memenuhi kriteria kelayakan dan dokumen sokongan yang relevan telah dihantar.
- Semua permohonan akan dinilai bersama dan akan diluluskan melalui satu proses penilaian yang kompetitif.
- Semua permohonan yang memenuhi kriteria akan dimajukan ke proses penilaian yang seterusnya dimana permohonan tersebut akan dinilai oleh **Panel Penasihat Industri CENDANA** yang melibatkan penasihat industri, pakar dan penggiat seni melalui satu sistem pemarkahan terhadap kriteria penilaian.
- Pemohon yang dicadangkan akan dinilai dan seterusnya diluluskan oleh **Lembaga Pengarah/Badan Pengurusan**.
- Semua permohonan yang dihantar kepada CENDANA adalah sulit dan peribadi. Semua panel CENDANA adalah tertakluk kepada perjanjian untuk tidak mendedahkan permohonan tersebut dan adalah tertakluk kepada deklarasi tidak berkepentingan sebelum menilai setiap permohonan.
- Makluman kepada pemohon akan dilakukan melalui emel tidak lebih dari empat (4) enam (6) minggu selepas permohonan ditutup.

Apakah yang akan memberi kesan kepada permohonan anda?

Permohonan yang tidak mempunyai dokumen yang lengkap selepas dihantar akan mengakibatkan permohonan sebagai tidak lengkap dan tidak akan dimajukan untuk penilaian. Senarai dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut:-

- Sesalinan kad pengenalan MyKad – sesalinan yang jelas depan dan belakang di dalam satu kertas A4 yang sama (*pengarah dan pemegang saham bagi organisasi);
- Profil syarikat;
- Sesalinan sijil pendaftaran organisasi;
- Sesalinan perjanjian sewa ruang/tempat;

Dalam keadaan khas yang tertentu dimana ketiadaan perjanjian sewa, sila berbincang dengan pegawai kami. Alternatif yang dicadangkan adalah dengan menyerahkan sesalinan surat kebenaran daripada pemilik ruang/tempat kepada pengusaha ruang untuk menjalankan operasi di ruang/tempat untuk satu tempoh masa yang ditetapkan.

TERMA RUJUKAN

Apakah yang akan berlaku selepas proses penilaian?

Permohonan yang Berjaya

Pemohon yang berjaya akan menerima emel makluman rasmi berserta Surat Tawaran menyatakan bahawa:

- Jumlah pembiayaan yang diluluskan;
- Terma dan syarat Program Pembiayaan Pemulihan Ruang Seni;
- Serahan program.

Program Pembiayaan Ruang Seni adalah sah dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh makluman melalui emel. Sekiranya anda tidak menerima tawaran dalam masa yang ditetapkan, tawaran tersebut akan luput.

Permohonan yang gagal

Pemohon yang gagal akan menerima emel makluman dalam tempoh masa yang sama.

Rayuan

CENDANA tidak akan menerima sebarang rayuan. Semua keputusan adalah muktamad.

Nota Berkaitan Garis Panduan Program Pembiayaan Pemulihan Ruang Seni

Disamping kami mempromosikan dan membangunkan seni untuk masa depan Malaysia, sebagai agensi yang mengagihkan dana awam sejajar dengan dasar Kerajaan, CENDANA harus mengutamakan cadangan yang tidak :

- Menghina atau merendahkan seseorang, kumpulan atau kelas individu berdasarkan bangsa atau agama, atau dilaksanakan untuk mewujudkan konflik atau salah faham dalam masyarakat berbagai budaya dan agama;
- Mengganggu keamanan atau kestabilan negara.

TENTANG CENDANA

Agensi Pembangunan Ekonomi Seni Budaya (CENDANA) dilancarkan pada 6 September 2017 untuk membentuk ekonomi seni budaya yang megah, mampan dan bercita-cita tinggi untuk Malaysia, disamping meningkatkan profil seni dan budaya Malaysia dalam membentuk identiti Malaysia sebagai destinasi seni yang strategik di peringkat global. Disokong oleh Kerajaan Malaysia melalui MyCreative Ventures Sdn Bhd (syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan) dan melapor kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.cendana.com.my